

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.3 ( 37 )

28 Oktober 2023  
13 Rabiulakhir 1445

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 52/2023

Semua Staf Akademik  
Universiti Teknologi Malaysia

### PERMOHONAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa, permohonan bagi jawatan **Timbalan Naib Cansolor (Penyelidikan dan Inovasi) Profesor Gred Khas C hingga Gred Utama B (VU6)** di Universiti Teknologi Malaysia adalah dibuka untuk permohonan.

2. Sebagai makluman, proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka bagi membolehkan semua staf Universiti berkeelayakan yang berminat mengemukakan permohonan. Kriteria jawatan adalah seperti di Lampiran A.

3. Sehubungan dengan itu, semua staf yang layak boleh mengemukakan permohonan masing-masing untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut dengan menyertakan dokumen berikut:

- i) *Curriculum Vitae* yang lengkap dan terkini (Format pdf)
- ii) *Curriculum Vitae* (CV) Kepimpinan

4. *Curriculum Vitae* (CV) Kepimpinan (Dokumen (ii)) boleh dimuat turun daripada pautan <https://forms.gle/cmm9Hxbuh2hAD5xo7>

5. Dokumen-dokumen berkenaan perlu dimuat naik ke pautan tersebut di atas dan dihantar sebelum atau pada **10 November 2023 (Jumaat)**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - Pro-Naib Canselor, Kampus UTM Kuala Lumpur
  - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
  - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan /Pengarah

**KRITERIA PEMOHON  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

**A. UMUM**

- i. **Kecemerlangan Akademik** – penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
- ii. **Pengiktirafan Antarabangsa** -penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.
- iii. **Kebolehan Memimpin dan Mengurus** –penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmpuan calon.
- iv. **Reputasi** – menjadi “*role model*” kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- v. **Personaliti** – penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- vi. **Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* Universiti.**

**B. KHUSUS**

- i. **Pengalaman Membida Projek Penyelidikan dengan Jaya:** Ini merupakan tugas hakiki TNC (P&I). Calon bukan sahaja berpengalaman menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik Utama (PI) tetapi menjadi peneraju IPT masing-masing untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara.

- ii. **Mahir Mensistesis Instrumen Komitmen Penyelidikan (RU Instrument);** KPI TNC (P&I) utama adalah meneraju penyelidikan di IPT masing-masing. Calon bukan sahaja mahir mengenai instrumen tersebut tetapi telah menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat institut, *Centre of Excellence (COE)* atau Fakulti.
- iii. **Mempunyai Jaringan hubungan yang luas;** Penyanggah mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan Industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini kerana selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta, penyanggah juga bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan luar negara.
- iv. **Berkemampuan dalam Menguruskan Aktiviti Berkaitan Harta Intelek;** Penyanggah mestilah seorang individu yang mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta intelek dan latihan yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industri yang berkesan akan memberi pulangan kepada Universiti melalui pelesenan dan pengkomersialan.
- v. **Cemerlang dalam Penyelidikan, Penerbitan dan Urusan Pengkomersialan;** Penyanggah mestilah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengkomersialan produk penyelidikan, mempunyai *track record* dalam penyelidikan serta penghasilan artikel berkualiti dalam jurnal berwasit aar penyanggah mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok sebaya/setaraf.
- vi. **Berpengalaman sebagai Penyelia yang Berjaya;** Penyanggah mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana penyanggah bertanggungjawab menentukan hala tuju penyelidikan Universiti dan menerapkan *research culture* di kalangan ahli akademik dan para penyelidik.